

Galak rakyat jaga kebersihan

Kerajaan negeri perkenal empat inisiatif baharu untuk kempen #IniRumahKita

MELAKA

Kerajaan Melaka akan memperkenalkan empat inisiatif baharu dalam memperkasa usaha pelaksanaan kempen #IniRumahKita bermula tahun hadapan.

Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari berkata, empat inisiatif itu akan mengambil kira elemen atau kluster di bawah Dasar Kebersihan Negara yang dilancarkan semalam bagi menarik penglibatan lebih ramai rakyat ke arah menjadikan amalan kebersihan sebahagian daripada aspek kehidupan mereka.

"Di peringkat kerajaan negeri, #IniRumahKita adalah satu kesedaran awal untuk memupuk rakyat terhadap aspek kebersihan bermula awal tahun ini dan ia selaras dengan Dasar Kebersihan Negara.

"Pada tahun ini, kita mu-



Adly (kanan) bersama Zuraida (dua dari kanan) melihat produk plastik sampah mesra alam semasa melawat geral pameran pada Majlis Pelancaran Dasar Kebersihan Negara semalam.

lakan #IniRumahKita dengan aktiviti gotong-royong dan empat lagi inisiatif baharu akan kita terapkan dengan mengambil kira Dasar Kebersihan Negara," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Pelancaran Dasar Kebersihan Negara, Sambutan Hari Habitat Sedunia dan Hari Kitar Semula Peringkat Kebangsaan pada Program Perumahan Rakyat (PPR) Tehel di sini semalam.

Turut hadir Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin dan Timbalannya, Senator Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad

Baharuddin Shah.

Mengulas lanjut, Adly berkata, kempen #IniRumahKita dan Dasar Kebersihan Negara tidak akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dalam kalangan rakyat negara ini sekiranya kesedaran rakyat terhadap aspek kebersihan masih rendah.

"Kita di peringkat kerajaan negeri dan Persekutuan telah menyediakan sistem dan infrastruktur yang mencukupi bagi menyokong usaha ini tetapi apa pun ia bergantung kepada kesedaran masyarakat," katanya.

- Bernama